

D.R. 8/2007

RANG UNDANG-UNDANG

be r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Keadilan Jenayah 1953.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh **Menteri** rnelalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 3

2. Akta Keadilan Jenayah 1953 [*Akta 345*] dipinda dalam seksyen 3 dengan menggantikan perkataan "twenty" dengan perkataan "thirty".

Rang Undang-Undang

HURAIAN

Rang Undang-Undang **ini** bertujuan untuk meminda Akta Keadilan Jenayah 1953 ("Akta 345").

2. *Fasal 1* Rang Undang-Undang ini mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 345 berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Kanun Keseksaan yang telah meminda tempoh hukuman pemenjaraan seumur hidup daripada dua puluh tahun kepada tiga puluh tahun.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2593]